

29/09/2002

`Lupa apabila sudah senang'

Azran Jaffar

DIANGGARKAN seramai 554,000 ahli atau 19 peratus daripada 2.8 juta ahli Umno tidak mendaftar sebagai pengundi. Ia adalah satu jumlah yang besar dan dilihat boleh menentukan kedudukan parti. Berdasarkan angka itu, timbul persoalan mengapa perkara ini boleh berlaku? Apakah fungsi Ketua Cawangan/Bahagian Umno terhadap tanggungjawab ahlinya. Benarkan ada ahli yang tidak aktif tetapi yuran keahliannya dibayar oleh Ketua Cawangan atau Bahagian? Wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR menemui veteran Umno yang juga Pengerusi Tetap Pergerakan Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani bagi melihat pandangannya mengenai perkara ini.

Bagaimana Tan Sri memandangi fenomena ahli Umno tidak mengundi pada pilihan raya?

Sepatutnya perkara ini tidak berlaku tetapi disebabkan kurangnya kesedaran sesetengah ahli, menyebabkan mereka tidak mendaftar. Perkara ini satu perbuatan yang tidak elok dan merugikan parti.

Saya kesal perkara ini berlaku. Sebagai orang yang menghayati perjuangan Umno begitu lama dan membabitkan diri dalam 10 kali pilihan raya umum, memang sangat kesal mendapat tahu begitu ramai ahli Umno tidak mendaftar sebagai pemilih. Lebih setengah juta tidak mendaftar adalah satu bilangan besar.

Pada pandangan Tan Sri apakah yang menyebabkan perkara ini berlaku?

Ia berlaku kerana mereka tidak mengambil berat dan kurang kesedaran terhadap pentingnya harga undi itu.

Timbul persoalan kenapa mereka menyertai Umno?

Ada yang menyertai Umno kerana ikut-ikutan... orang masuk parti, dia masuk parti. Ada yang dibawa masuk parti untuk tujuan tertentu. Mereka jadi ahli lepas itu buat tak tahu.

Tetapi saya ingin juga mendapatkan penjelasan jumlah ahli Umno yang tidak mendaftar sebagai pemilih seperti dinyatakan oleh (Pengerusi Biro Daftar Ahli dan Pengundi Umno) Datuk Seri Najib (Razak) itu sama ada (ahli Umno) lelaki atau dari Pergerakan Wanita, termasuklah Pemuda. Biasanya Wanita tak macam itu.

Apa yang saya tahu, ada juga Ketua Cawangan yang tidak mendaftar. Ini lagi buruk. Memanglah mereka tidak disyaratkan untuk menjadi pemilih bagi menjadi Ketua Cawangan, tetapi ini menunjukkan kesedaran mereka yang kurang terhadap harga undi.

Bagaimana pula dari segi bilangan Ketua Cawangan yang tidak mendaftar ini?

Saya kurang pasti bilangannya, tetapi saya tahu ia ada. Saya tak ingat cawangan mana, tetapi pernah dilaporkan.

Adakah Tan Sri rasa oleh kerana peringkat Ketua Cawangan sendiri tidak ada kesedaran, menyebabkan perkara ini berjangkit kepada anak buahnya?

Yalah. Kadang-kadang manusia ini tujuannya lain-lain. Masuk Umno tujuannya untuk mesyuarat agung. Ada juga yang disebabkan malas. Tak kuasa hendak cari tempat mendaftar.

Ketua Cawangan seharusnya menjadi penggerak bagi memastikan tidak ada ahli di bawahnya tidak mendaftar sebagai pemilih. Masalah Ketua Cawangan juga bukan pemilih ini bukan benda lama. Sikap ini lagi hebat.

Saya berharap ahli Umno lebih bertanggungjawab. Ada (ahli) yang ketika pameran daftar pemilih pun tak mahu periksa, bagi ahli baru pula ada yang beranggapan soal undi-mengundi ini tidak perlu. Mereka yang tidak mendaftar adalah ahli yang tidak bertanggungjawab kepada parti sepenuhnya.

Untuk mendaftar tidak perlukan duit kerana setiap tahun SPR membuat hebahan untuk mendaftar dan diberi pelbagai kemudahan untuk melakukannya.

Adakah kita melihat mereka menyertai parti lebih kerana tarikan yang ada pada parti?

Mereka tidak ambil berat. Ada setengahnya yang menyertai parti kerana diperkenalkan oleh perjuangan yang bersifat negatif. Mungkin sesetengahnya ketika hendak mendaftar dulu berasakan susah hendak melakukannya (kerana beberapa sebab). Tetapi lama kelamaan mereka menjadi lupa, orang mengundi dia tak payah mengundi. Saya juga hairan mengapa perkara ini berlaku.

Sebagai Ketua Umno (peringkat cawangan dan bahagian) apakah yang perlu mereka lakukan untuk mengatasi perkara ini?

Kenalah tengok cawangan, daftar pemilih dan bandingkan ahli mereka. Kena kerja kuatlah. Bagi ahli Umno juga, setiap kali senarai daftar pemilih dipamerkan hendaklah memeriksa nama mereka. Bagi yang belum mendaftar, pergi ke cawangan dan berterus terang memberi tahu mereka belum mendaftar kerana ini lebih memudahkan urusan. Cawangan Umno berseparah-separah. Pergi ke cawangan supaya ia boleh dibawa ke bahagian.

Bagi Umno Pusat, mereka boleh memastikan Bahagian mana yang ada ahlinya tidak mendaftar supaya jawatankuasa Bahagian berkenaan dapat mengambil tindakan.

Adakah Tan Sri juga berasa bahawa perkara ini berlaku kerana mereka di Bahagian tidak membuat kerja?

Tidak juga. Ini tanggungjawab individu. Sama ada seseorang itu ahli parti atau tidak, dia seharusnya mendaftar sebagai pemilih. Tetapi bila Umno sedar akan perkara ini, ia menjadi tanggungjawab parti untuk memastikan ahlinya mendaftar sebagai pemilih.

Kenapa mereka yang layak menjadi pemilih tidak mahu mendaftar, sedangkan mereka yang hanya berstatus Penduduk Tetap berusaha untuk mendapat hak sebagai pemilih?

Cawangan juga hendaklah mengambil inisiatif memberi penerangan kepada ahlinya terhadap perlunya untuk mendaftar. Kami dulu bekerja macam itu. Kami buat semua itu.

Adakah Tan Sri berasa orang sekarang tidak melakukan perkara seperti itu lagi atau macam mana?

Mungkin tak buat. Tetapi jika ada arahan pastikan perkara ini tidak berlaku. Apa pun, dalam memastikan kejayaan perkara ini, ia perlukan kerjasama semua pihak. Dulu tak timbul masalah ahli bukan pemilih.

Apa yang berlaku ialah susulan pihak cawangan tidak cukup. Seharusnya bagi cawangan, sekali-sekala apabila mereka membuat aktiviti, soal ini dibangkitkan. Bagi cawangan, kelompok di bawah mereka lebih kecil... buatlah pekeliling mengarahkan ahli yang belum mendaftar melakukannya. Jika dulu perkara sebegini tidak dilakukan, bolehlah mula dilaksanakan.

Kenapa tak buat? Adakah kerana perubahan yang berlaku pada Umno?

Tidak ada perubahan dalam Umno, cuma dalam parti mana pun semakin lama kerehah ahlinya semakin banyak... yang dipentingkannya pun lain-lain.

Baru-baru ini Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob ada berkata, ahli Umno yang layak mengundi tetapi tidak mendaftar sebagai pemilih, tidak wajar untuk terus berada di dalam parti. Bagaimana Tan Sri memandang kenyataan ini?

Itu juga ada betulnya, jika sikap mereka sudah sebegini sehingga tidak melihat maruah pilihan raya. Bagi saya mereka boleh menjadi ahli Umno tetapi perbetulkan kesilapan itu. Kalau belum mendaftar, mendaftarlah. Kalau dikatakan mereka keluar, nanti mereka tidak mengundi, rugi kita pula. Satu undi pun kita boleh kalah.

Bagi saya Tan Sri Megat Junid (Megat Ayob)... mungkin fikirkan jika sudah sampai begitu sikap mereka... sambil lewa, lebih baik jangan jadi ahli Umno. Mereka seharusnya ambil berat soal pilihan raya kerana itulah

yang menentukan hidup matinya kita. Kedudukan politik masa depan kita di situ.

Adakah Tan Sri berasa perkara ini berlaku kerana di sesetengah tempat yuran ahli dibayar oleh Ketua Cawangan/Bahagian, menyebabkan mereka seolah tidak kisah?

Masa kami dulu yuran dikutip. Tetapi sekarang ini hendak mengutip dan mencari ahli kadang-kadang susah. Kerana itu ada sesetengah Ketua Cawangan/Bahagian yang ambil berat, dibayarkan yuran ahli... bukannya banyak. Tetapi pulaknya... ahli sendiri mestilah ada semangat dan kesedaran mereka menyertai Umno tanggungjawabnya besar... bagaimana hendak memastikan kemenangan parti dalam pilihan raya. Sebelum dia pergi jauh dia mesti memastikan calon Umno menang dengan undi banyak. Kalau jadi ahli Umno lepas tu menganga saja, tak mengundi, nak buat apa?

Pada pandangan Tan Sri mengapa sikap sebegini ada?

Pada saya, manusia semakin lama semakin senang, semakin leka. Mereka tidak nampak cabaran yang tersembunyi hari ini lebih besar daripada... cabaran ketika menuntut merdeka. Ketika menuntut kemerdekaan... keadaan tidak sesusah ini. Ketika itu perpaduan kuat dan dengan inilah kita menebus kemerdekaan daripada British.

Orang sekarang tak nampak semua ini... boleh minum teh tarik senang... Orang dulu tidak sebegini, dengan keadaan susah dulu, disiplin boleh dilaksanakan. Tetapi sekarang dah mewah, banyak langgar peraturan... Mereka tidak nampak cabaran hari ini lebih besar berbanding dulu.

Keadaan sekarang dah senang. Tetapi manusia dah lupa. Itu yang Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) katakan Melayu mudah lupa... orang Umno pun mudah lupa.

Kita bercakap mengenai pengundi hantu, mungkinkah berlaku 'ahli hantu' dalam Umno kerana mereka tidak mahu memberi undi kepada parti?

Tidak ada. Cuma yang tidak mendaftar ini kerana mereka tidak kisah. Nak kata undi mereka pergi ke pembangkang tidak juga kerana mereka tidak mengundi. Mereka kata sokong Umno tetapi malas (mendaftar). Mereka tidak tahu sebab kewujudan Umno. Untuk inilah... untuk pergi memangkah!

Bagi saya cawangan sepatutnya ada kursus. Kita dulu kursus tak pernah lekang... kursus hal parti, politik sentiasa ada. Tak payah pergi jauh-jauh di resort mana... bawah rumah ke, dalam rumah ke, kelompok kecil, 20-30 orang... dah. Sekarang ini, itu yang kurang. Kalau nak berkursus pergi jauh. Berbalik kepada cerita kita tadi... orang Melayu mudah lupa. Mereka tidak tahu macam mana orang Umno dulu... cakau kain (ke sana-sini berjuang)... punya susah... tetapi perjuangan itu tak pernah berubah. Kita tubuhkan parti untuk memenangi pilihan raya. Dia ingat dah dapat sekali itu tak lepas di tangan dah.